

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN NO. 83

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam menggalakkan penggunaan basikal atau motosikal yang menggunakan kuasa elektrik atau bateri seperti yang diamalkan di negara luar seperti China.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara prinsipnya, pihak Kementerian Pengangkutan sememangnya menyokong penggunaan kenderaan yang menggunakan kuasa elektrik termasuklah basikal dan motosikal elektrik. Namun begitu, spesifikasi pembinaan dan kawalan penggunaannya semasa di atas jalan raya hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedahnya supaya ianya tidak menimbulkan sebarang kesan negatif kepada pengguna jalan raya yang lain atau alam sekitar.
2. Pihak Kementerian turut mengambil maklum bahawa penggunaan kenderaan tersebut juga dapat mengurangkan masalah pencemaran udara akibat pelepasan gas ekzos daripada kenderaan berenjin petrol dan diesel terutamanya di kawasan bandar. Inisiatif ini juga meningkatkan kualiti udara di kawasan tersebut.
3. Usaha untuk meningkatkan serta menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik di Malaysia melibatkan penglibatan pelbagai Kementerian dan sokongan padu daripada pihak industri automotif tempatan supaya teknologi ini dapat memberikan impak yang maksimum terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.
4. Sehubungan dengan itu, setiap Kementerian hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan sewajarnya dalam menggalakkan penggunaan kenderaan tersebut terutamanya dalam aspek penyediaan kemudahan mengecas kenderaan, insentif dan harmonisasi standard.
5. Dalam konteks ini, pihak Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab terhadap mengawal selia aspek keselamatan

pembinaan kenderaan dan juga kawalan penggunaannya di atas jalan raya sahaja.

6. Berikutan itu, pihak Kementerian telah menetapkan bahawa setiap kenderaan motor hendaklah memenuhi prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bagi memastikan tahap keselamatan dan spesifikasinya telah menepati peraturan serta standard mandatori yang berkenaan. Prosedur tersebut adalah dikawal selia oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Namun begitu, prosedur VTA ini tidak terpakai kepada mana – mana basikal termasuk basikal elektrik.

Sekian, terima kasih.